



USUL SIDANG MUDA 2021

DEWAN INI SETUJU BAHAWA PENGURUSAN MENTAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT PULAU PINANG HARUS DIPANDANG SERIUS

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli dewan yang saya hormati kerana memberi peluang untuk mengongsikan pandangan saya untuk menyokong cadangan yang berbunyi “Dewan ini setuju bahawa pengurusan mental dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang harus dipandang serius” dibawa Seksyen 309 Kanun Keseksan yang dibawa oleh Ketua Menteri tadi.

Mengikut *Malaysian National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019*, setengah juta orang dewasa di Malaysia dilaporkan mengalami kemurungan. Jesteru, menurut kajian oleh Wong et al pada 2021, 3 daripada 5 iaitu 60% dewasa di Malaysia mengalami gejala kemurungan. 1 daripada 2 iaitu 59.2% dewasa di Malaysia mengalami anxiety. 1 daripada 3 iaitu 33% dewasa di Malaysia mengalami stress. Hasil Tinjauan Kajian Mobiliti Kebangsaan 2015 mendapati gangguan mental dalam kalangan wanita tertinggi dalam kalangan wanita iaitu 30.8% berbanding lelaki 27.6%.

Bukan itu sahaja, 2-3% kanak-kanak berumur antara 6-12 tahun mengalami kemurungan, manakala 1-2% kanak-kanak berumur 3-7 tahun mempunyai penyakit anxiety. Menurut Sahril et al 2021, dalam golongan kanak-kanak 11% lelaki dan 11.3% perempuan mengalami isu kesihatan mental.

Ahli-ahli yang terhormat,

Statistik yang dirujuk diatas adalah sangat jelas di mana, golongan wanita lebih mudah menjadi mangsa bunuh diri berbanding dengan golongan lelaki terutamanya selepas wabak COVID-19 bermula di Malaysia. Terdapat banyak punca yang telah memainkan peranan dan mengakibatkan tragedi tersebut seperti masalah keluarga, tekanan perasaan, masalah kewangan dan lain-lain. Pakej-pakej yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan seperti Bantuan Prihatin atau Bantuan COVID cuma menyelesaikan masalah dalam jangka pendek. Dengan adil, saya memuji pakej-pakej tersebut adalah wajib untuk golongan tersebut, tapi tidak akan menyelesaikan masalah akar umbi iaitu masalah mental.

Untuk makluman ahli-ahli dewan, mengikut definisi daripada *Encyclopedia Britannica*, “bunuh diri” didefinisikan sebagai usaha seseorang untuk mengakhiri hidupnya dengan cara

suka rela atau sengaja. Dari segi kecederaan, tindakan tersebut memang tidak membawa sebarang kecederaan kepada orang awam kecuali diri sendiri. Tujuan undang-undang diwujudkan di Malaysia adalah untuk memberi pengajaran dan peringatan kepada rakyat Malaysia supaya tidak meulangi kesalahan yang lalu. Tetapi, dengan menghukum mangsa yang terlibat dalam kes bunuh diri langsung tidak akan memberi kesedaran kepada mereka. Oleh itu, Seksyen 309 Kanun Keseksaan tidak masuk akal dan sudah tentu ini adalah salah satu polisi persekutuan yang lapuk. Justeru, saya menyokong usul yang dicadang oleh EXCO ini dengan sepenuh hati.

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, Datuk Seri Abdul Jalil Hassan pada 1hb Julai 2021, Sebanyak 468 kes bunuh diri dilaporkan sepanjang lima bulan pertama tahun ini manakala pada tahun lalu sebanyak 631 kes dan 2019, 609 kes. Secara purata, dua kes bunuh diri berlaku setiap hari sejak tahun 2019 sehingga Mei tahun ini. Secara keseluruhan untuk tempoh 2019 sehingga Mei 2021, 1,427 orang membabitkan wanita dan 281 orang membabitkan lelaki. Berdasarkan data yang diberi oleh pengarah, wanita yang terlibat dalam kes bunuh diri berbanding dengan lelaki dalam kadar nisbah adalah 5:1. Perbezaan kes-kes yang dilaporkan amat saya bimbang. Jikalau Kerajaan Pulau Pinang, tidak mengambil sebarang tindakan dengan segera, kes-kes sebegini akan berulang kembali dan lebih ramai nyawa akan terkorban dan statistik kes-kes bunuh diri di Malaysia akan meningkat dengan drastik.

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila kita menyentuh masalah keluarga yang ditimbulkan oleh wabak COVID-19, tidak boleh dinafikan, kebanyakan wanita dalam keluarga telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga khususnya implikasi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut PDRM, sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dalam tempoh Januari hingga April tahun 2021 dan jumlah kes masih meningkat pada masa ke semasa. Masalah keganasan tersebut akan memberi impak besar kepada wanita dan akhirnya mereka akan berkemungkinan berfikiran negatif jikalau pihak kerajaan tidak memberi bantuan yang cukup.

Saya mencadangkan bahawa di peringkat sekolah terutamanya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, pendidikan kesedaran kesihatan mental iaitu *psychoeducation*. Kaunselor sekolah harus mempunyai kelayakan yang sesuai contohnya, ijazah sarjana dalam kaunseling. Dalam peringkat universiti, perkhidmatan kesihatan mental perlu disediakan dengan kadar berpatutan atau percuma. Perkhidmatan sebegini harus dipromosikan dengan lebih giat. Kerajaan Pulau Pinang juga boleh merujuk kepada negara-negara *Nordic* seperti Norway, Sweden, Finland dan Denmark untuk mengetahui lebih tentang cara-cara mereka mengambil tahu dan mengatasi isu-isu kesihatan mental.

Manakala di tempat kerja, penyediaan kaunselor juga perlu disediakan dengan memberi lebih fokus kepada sektor awam dan juga meningkatkan di sektor swasta seperti yang sedia ada di Top Glove dan Sunway Group. Selain KPI atau penilaian kerja, pihak pengurusan boleh mengambil tahu kesihatan mental para pekerja contohnya menanyakan khabar mereka dalam mesyuarat. Selaras dengan itu, kerajaan perlu meningkatkan dalam pengambilan bilangan profesional kesihatan mental tertentu seperti pegawai psikologi klinikal. Dalam pada itu, mengikut keadaan semasa dalam sektor kesihatan awam, antara 20-30 jawatan kosong disediakan untuk pegawai psikologi klinikal 1-2 kali setahun.

Oleh itu, disini saya menyokong Kerajaan Pulau Pinang dengan rancangan menyediakan profesional kesihatan mental di peringkat sekolah atau di tempat kerja untuk sesiapa yang perlu terutamanya kepada golongan wanita. Ini akan membolehkan rakyat mendapatkan sokongan mental dengan lebih mudah dan cepat terutamanya kepada golongan wanita yang tertekan. Dengan melaksanakan usul yang diperbincangkan, saya yakin secara tidak langsung kita dapat mengurangkan bilangan kes bunuh diri di Malaysia.

Sekian ucapan saya. Terima kasih

PreetSimran Kaur Balbir Singh

EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan
Sidang Muda 2021

